



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KOLEKSI INFO

iris

**LITERASI PERUNDANGAN
DAN HAK WANITA**

JABATAN PEMBANGUNAN WANITA

Hak cipta dan cetakannya adalah terpelihara.

Cetakan pertama 2023

Diterbitkan Oleh :

Bahagian Pembangunan Psikologi
Jabatan Pembangunan Wanita
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan
Masyarakat

ISBN	: ISBN 978-983-44158-8-4
Telefon	: 03-8323 1000
Fax	: 03-8323 2035
Laman web	: https://www.jpw.gov.my





Merujuk kepada singkatan
**PROGRAM LITERASI
PERUNDANGAN DAN
HAK WANITA**

Definisi literasi undang-undang bukan sahaja terletak dalam **konteks pengetahuan pengguna tetapi menjurus kepada pemahaman pengguna terhadap undang-undang.**

(McKimm, Kong & Smith, 2011)



BUNGA IRIS juga adalah simbol kepada harapan, kebijaksanaan, komunikasi, dan keyakinan.



KEPERLUAN PROGRAM IRIS

Berdasarkan kepada *Handbook for National Action Plans on Violence Against Women* (2012), **kebanyakan penganiayaan terhadap wanita dilakukan oleh orang yang dikenali** (pasangan -merangkumi suami, bekas suami atau teman lelaki) dan kebanyakan kes tidak dilaporkan.

PENEKANAN TERHADAP PROGRAM

Mahani dan Maria (2015) menekankan bahawa usaha bersepadu perlu diambil bagi meningkatkan kesedaran masyarakat khususnya wanita **terhadap tanggungjawab dalam menangani isu keganasan terhadap wanita**. Program kesedaran dan latihan berkaitan keganasan terhadap wanita **hendaklah melibatkan setiap lapisan umum terutama lelaki**.

TUJUAN PROGRAM

Program ini adalah bertujuan memberi fokus **kepada kemudahan yang disediakan dari aspek perundangan dengan lebih jelas dan praktikal kepada wanita**.

Berfungsi sebagai **medium penyampaian ilmu pengetahuan mengenai hak individu dari aspek perundangan, saluran aduan dan bantuan yang disediakan kepada mangsa keganasan, diskriminasi dan ketidakadilan**.



Isi Kandungan

Bil	Tajuk	Muka Surat
1	Khidmat Guaman	4
2	Isu perceraian perkahwinan Islam • Nafkah • Harta Sepencarian • Muta'ah • Sulh • Hiwalah • Soalan lazim	7
3	Isu perceraian perkahwinan bukan Islam • Maklumat Am • Kategori Perceraian • Dokumen Penting • Soalan lazim	17
4	Poster dan Talian Bantuan	26
	iv. Energi Diri	42
	v. Aplikasi Imageri Mental	45
	vi. Pelan Tindakan Diri	48



INFO IRIS

*Khidmat
Bantuan
Guaman*



KHIDMAT BANTUAN GUAMAN



**KELAYAKAN
MENDAPAT BANTUAN
GUAMAN**



Warganegara Malaysia



Bagi Bantuan Guaman Kes Mahkamah

- Penuhi kriteria yang ditetapkan
- Lulus ujian kemampuan (sumber kewangan kurang daripada RM 50 Ribu setahun)
- Mempunyai kes bermerit

Bayaran Khidmat Bantuan Guaman	Jenis Khidmat Bantuan Guaman	Jenis kes/ Tuntutan
RM10 Atau bayaran sumbangan (sekiranya sumber kewangan pemohon lebih RM 30 Ribu setahun)	• Semua perkara Undang-Undang Malaysia • Mewakili anak guam dalam bidang kuasanya • Proses pengantaraan • Khidmat Pendamping Guaman	• Kes kekeluargaan • Kes sivil • Kes jenayah • Khidmat Pendamping Guaman



MAKLUMAT KHIDMAT BANTUAN GUAMAN

WP KUALA LUMPUR Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tingkat 2, Menara Raja Laut Jalan Raja Laut 50504 KUALA LUMPUR No Telefon : 03-26942700 No Faks : 03-26940040	JOHOR Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Johor Lot L4-01, Tingkat 4, Menara Landmark No.12, Jalan Ngee Heng 80000 Johor Bahru JOHOR No Telefon : 07-2234960 / 07-2237073 No Faks: 07-2247169	JOHOR (MUAR) Penolong Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Muar No.8-1, 8-2, 8-3, Tingkat 1, Jalan Ibrahim 84000 Muar JOHOR No Telefon : 06-9522410 No Faks: 06-9528153	PAHANG Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Pahang Tingkat 8, Wisma Persekutuan Jalan Gambut 25000 KUANTAN PAHANG No Telefon : 09-5161135 / 09-5162639 No Faks: 09-5157120
SELANGOR Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Selangor Tingkat 6, Plaza Perangsang Persiaran Perbandaran 40000 SHAH ALAM SELANGOR No Telefon : 03-55106192 / 03-55106298 No Faks : 03-55190846	PAHANG Penolong Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Raub Tingkat 2, Bangunan Gunasama Persekutuan Jalan Tengku Abdul Samad 27600 RAUB, PAHANG No Telefon : 09-3553677 No Faks, : 09-3557494	PULAU PINANG Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Pulau Pinang Aras 4, Bangunan Gunasama Persekutuan Jalan Anson 10400 GEORGETOWN PULAU PINANG No Telefon : 04-2109100 / 04-2109108 No Faks: 04-2287966	PERAK Penolong Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Taiping Tingkat 3, Wisma Persekutuan Jalan Istana Larut 34000 TAIPING PERAK No Telefon : 05-8082701 / 05-8069452 No Faks: 05-8063817
NEGERI SEMBILAN Pengarah Jabatan Bantuan Guaman N. Sembilan Tingkat 7, Wisma Persekutuan Jalan Dato' Abdul Kadir 70000 SEREMBAN NEGERI SEMBILAN No Telefon : 06-7630457 No Faks: 06-7610380	TERENGGANU Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Terengganu Aras 1, Wisma PERKESO Lot 2467, Jalan Air Jernih, 20538 KUALA TERENGGANU TERENGGANU No Telefon : 09-6203240/ 41/ 42/ 43 No Faks: 09-6203250	KEDAH Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Kedah Aras 3, Zon A, Wisma Persekutuan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 06550 Bandar Muadzam Shah KEDAH No Telefon : 04-7001553 No Faks: 04-7327452	WP LABUAN Penolong Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Labuan Tingkat 9(A), Blok 4 Menara Pejabat Ujana Kewangan Jalan Merdeka 87018 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN No Telefon : 087-412242 No Faks: 087-411531
MELAKA Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Melaka Tingkat 6, Menara Persekutuan Jalan Persekutuan, MITC, Hang Tuah Jaya 75450 Ayer Keroh, MELAKA No Telefon : 06-2345277 No Faks: 06-2345280	KELANTAN Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Kelantan Lot PT84 & PT85, Wisma Mustapha Seksyen 15, Jalan Sultanah Zainab 15050 KOTA BHARU KELANTAN No Telefon : 09-7482548 No Faks: 09-7472615	KEDAH Penolong Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Langkawi Lot 10B & 11B, Tingkat Bawah Kompleks Cayman, Pekan Baru Kuah 07000 LANGKAWI KEDAH No Telefon : 04-9698180 / 04-9698183 No Faks: 04-9698181	SARAWAK Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Sarawak Tingkat 6, Bangunan Sultan Iskandar Jalan Simpang Tiga 93504 KUCHING SARAWAK No Telefon : 082-258699/ 082-238509 No Faks: 082-243978
Khidmat Bantuan Guaman Negeri	KELANTAN Penolong Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Gua Musang Lot 6, Tingkat 1, Bangunan Tabung Haji Bandar Baru Gua Musang 18300 GUA MUSANG KELANTAN No Telefon : 09-9123688 No Faks: 09-9126988	PERLIS Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Perlis No. 8, 10, 12 Taman Temak Jaya, Jalan Kangar-Alor Star 01000 KANGAR PERLIS No Telefon : 04-9767739 No Faks: 04-9767790	MIRI Penolong Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Miri Tingkat 13, Lot 97, Wisma Yulan Jalan Brooke, Peti Surat 2300 98008 MIRI SARAWAK No Telefon : 085-423606 No Faks: 085-425204
	PERAK Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Perak Tingkat Bawah, Blok A (A2) Bangunan Persekutuan Ipoh Jalan Dato' Ahmad Said (Greentown) 30450 IPOH PERAK No Telefon : 05-2544027 / 05-2552240 No Faks: 05-2556007	SABAH Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Sabah Aras 2, Menara MAA No. 6, Lorong Api-Api 1, Peti Surat 11319 88814 KOTA KINABALU SABAH No Telefon : 088-488434 No Faks: 088-488 096	SIBU Penolong Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Sibul Tingkat 10 (Section A), Wisma Vasty, Lot. No.445, Blok 5, No.15, Jalan Pulau 96000 SIBU SARAWAK No Telefon : 084-343978 No Faks: 084-346978



INFO IRIS

*Isu perceraian
perkahwinan
Islam*



Isu perceraian perkahwinan Islam

JENIS NAFKAH

Isteri (Perkahwinan)

Anak (Keturunan/ Anak
Angkat)

Iddah

TIDAK LAYAK NAFKAH

Isteri Nusyuz

Perbelanjaan atau sara hidup kepada mereka yang wajib ke atas seseorang sama ada isteri, anak dan orang-orang yang di bawah tanggungannya. Termasuk tempat tinggal, makanan, pakaian dan pendidikan.

NAFKAH



HARTA SEPENCARIAN

Harta sama ada harta alih atau tidak yang diperoleh bersama semasa perkahwinan berkuat kuasa mengikut syarat-syarat oleh Hukum Syarak, termasuklah harta yang diperoleh sebelum berkahwin tetapi dimajukan nilainya dalam masa perkahwinan hasil usaha dan sumbangan bersama.

LAYAK TUNTUTAN ISTERI ATAU SUAMI

Semasa tuntutan poligami

Selepas perceraian

Selepas kematian suami/
isteri oleh waris

PRA SYARAT

Wujud perkahwinan yang sah
(Undang-Undang Malaysia)

Berlaku perceraian bukan
kerana isteri

Berlaku perceraian hidup

Berlaku persetubuhan

Perceraian bukan kerana
suami papa

Suatu pembayaran sagu hati yang diberikan oleh bekas suami kepada bekas isterinya selepas mereka bercerai sama ada berupa wang atau barang. Muta'ah ini dikira sebagai bayaran yang wajib dibayar apabila seorang perempuan diceraikan tanpa sebab oleh suaminya.



Suami Wajib
memberi mutaah
[Al-Baqarah 241]

MUTA'AH

Dokumen Penting

Kad Pengenalan	Sijil Perakuan Nikah/ Ruju'/ Cerai
Sijil Kelahiran Anak	Sijil Pengangkatan (jika berkaitan)
Penyata gaji/ bukti pendapatan	Surat laporan polis (jika berkenaan)
Nama/alamat majikan suami/ isteri	Maklumat berkaitan saksi

NAFKAH



HARTA SEPENCARIAN

Dokumen Penting

Maklumat Berkaitan Jenis Harta (Alih Atau Tidak Alih)
Status harta (syarat/ sekatan/liabiliti)
Takat sumbangan dalam pemilikan harta
Saksi-saksi yang boleh menerangkan pemilikan aset/harta (pusaka/ usaha bersama/usaha tunggal)
Bukti Tanggungan-tanggungan Salah Satu Pihak (Hutang/ Anak Jagaan)

Dokumen Penting

Butir perkahwinan – Surat Perakuan Cerai
Butir-butir pihak kena tuntutan (nama, alamat, pekerjaan bekas suami, nama dan alamat majikan bekas suami)
Dokumen sokongan – penyata gaji atau pendapatan bekas suami
Dokumen lain yang berkaitan





MUTA'AH



MAJLIS SULH

- Majlis perbincangan antara pihak-pihak yang terlibat dalam suatu pertikaian, melibatkan satu atau lebih tuntutan di Mahkamah Syariah Selangor dengan dipengerusikan oleh pegawai Sulh. Seandainya suatu persetujuan secara damai dapat dicapai secara sukarela antara kedua-dua belah pihak, ia akan direkodkan oleh hakim sebagai satu perintah mahkamah tanpa melalui proses perbicaraan



KELEBIHAN SULH

- Menjimatkan kos dan masa pihak-pihak dan mahkamah
- Perundingan adalah bersifat terpinpin bukannya dominasi sebelah pihak
- Perundingan melihat kepentingan masa akan datang, bukannya mengungkit dan menyalahkan pihak lain
- Penyelesaian secara terbuka dan sukarela (keredhaan), bukannya melepas dendam
- Mempercepatkan penyelesaian kes

CARTA ALIRAN SULH



KES-KES DI MAJLIS SULH



HIWALAH

Definisi

Pemindahan hutang dari Penghutang Penghakiman kepada Pihak Ketiga iaitu institusi kewangan dan seterusnya kepada Pemiutang Penghakiman.


Punca Kuasa

Akta Perkhidmatan Kewangan 2013
Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Penguatkuasa dan Gazet

- Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
- Warta pada 10 Februari 2021

Tatacara Hiwalah



Kes-kes melibatkan
penguatkuasaan Hiwalah

Nafkah

Muta'ah

Tatacara Hiwalah

- I. Salinan Perintah Nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah ;
- II. Salinan Sijil Perceraian ;
- III. Kad Pengenalan pemohon ;
- IV. Salinan Mykid/Surat Beranak Anak/Anak-Anak.

SOALAN LAZIM

Bil	Soalan
1	Apakah HAK ANDA sebagai seorang isteri? Seorang isteri itu adalah berhak kepada: • Nafkah zahir dan batin; • Kasih sayang dari suami; dan • Hak untuk mendapatkan keadilan.
2	Apakah yang dimaksudkan dengan NAFKAH? 1. Nafkah zahir ialah perbelanjaan yang wajib dikeluarkan oleh suami terhadap isteri seperti: • Makan dan minum; • Pakaian; • Tempat tinggal; • Perubatan; dan • Pembantu rumah sekiranya perlu. 2. Nafkah batin pula merupakan keperluan seksual yang perlu dipenuhi oleh pasangan suami isteri yang sah.
3	Bilakah nafkah boleh dituntut? Kebiasaanya kadar nafkah adalah berdasarkan kepada keperluan, kemampuan dan kedudukan kewangan suami.
4	Berapakah KADAR nafkah? Kebiasaanya kadar nafkah adalah berdasarkan kepada keperluan, kemampuan dan kedudukan kewangan suami.
5	Bilakah hak nafkah seorang isteri itu GUGUR? Hak nafkah seorang isteri boleh gugur apabila Mahkamah Syariah mengisytiharkannya nusyuz.



Bil	Soalan
6	Apakah yang dimaksudkan dengan NUSYUZ? Nusyuz ialah keengganan isteri untuk menurut kemahuan dan perintah suami seperti menjauhkan diri daripada suami, meninggalkan rumah suami atau enggan berpindah bersama suami tanpa sebab yang sah mengikut Hukum Syara’.
7	Adakah seseorang isteri itu berhak untuk MENERIMA SEMULA NAFKAH apabila dia tidak lagi nusyuz? Ya, seseorang isteri itu adalah berhak untuk menerima nafkahnya sebaik sahaja dia bertaubat dan tidak lagi nusyuz setelah diputuskan oleh Mahkamah Syariah.
8	Bilakah tempoh PENERIMAAN nafkah akan tamat? Tempoh penerimaan nafkah akan tamat apabila: • Kematian suami atau isteri; dan • Isteri diistiharkan nusyuz oleh Mahkamah Syariah.
9	Apakah yang dimaksudkan sebagai NAFKAH TERTUNGGAH? Nafkah tertunggak ialah nafkah yang tidak dibayar atau tidak diberikan oleh suami bermula dari tarikh perkahwinan mereka atau bermula dari tarikh tertentu sepanjang perkahwinan mereka.
10	Bolehkah isteri MENUNTUT tunggakan nafkah? Ya, isteri boleh menuntut tunggakan nafkah di Mahkamah Syariah mengikut peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam.



Bil	Soalan
6	Apakah yang dimaksudkan dengan POLIGAMI? Poligami ialah perkahwinan seorang lelaki dengan lebih daripada seorang perempuan dan tidak melebihi 4 orang dalam sesuatu masa sebagaimana yang ditetapkan oleh Hukum Syara'.
7	Apakah HAK-HAK isteri yang berpoligami? Isteri-isteri yang dipoligami adalah berhak untuk mendapat layanan yang adil daripada suami mereka mengikut hukum syara' serta ketetapan Undang-Undang Islam negeri masing-masing.
8	Adakah hak ISTERI PERTAMA sama dengan hak isteri-isteri yang lain? Ya, hak isteri pertama adalah sama dengan hak isteri-isteri yang lain.
9	Apakah yang BOLEH DILAKUKAN oleh isteri sekiranya suami berlaku tidak adil? Sekiranya suami berlaku tidak adil, isteri boleh membuat pengaduan kepada mahkamah syariah di bawah seksyen 128, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.




Bil	Soalan
10	Apakah hak isteri apabila MENGETAHUI suaminya telah berpoligami tanpa kebenaran mahkamah? Seorang isteri boleh membuat pengaduan kepada Mahkamah Syariah di bawah Seksyen 123, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.
11	Apakah hak isteri yang telah DITINGGALKAN LANGSUNG oleh suami? Seorang isteri yang ditinggalkan langsung oleh suami boleh membuat pengaduan kepada Mahkamah Syariah di bawah seksyen 120, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 dan isteri berkenaan juga berhak untuk membubarkan perkahwinan secara fasakh atau taklik.



INFO IRIS

*Isu perceraian
perkahwinan
bukan Islam*





PERCERAIAN ORANG BUKAN BERAGAMA ISLAM

Perpisahan antara seorang suami dengan seorang isteri yang diiktiraf oleh undang-undang dan akibatnya membolehkan bekas isteri/ suami itu untuk berkahwin lain



DEFINISI

Perceraian yang melibatkan orang bukan beragama islam mengikut peruntukan di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164]



Mengapa orang bukan beragama islam melalui mahkamah



KATEGORI PERCERAIAN

SEK. 51

Pembubaran
Perkahwinan kerana
salah satu pihak
memeluk agama
islam

**SEK.
67,68, 69
& 70**

Pembatalan
Perkahwinan

SEK. 52

Pembubaran
Perkahwinan dengan
persetujuan bersama

Petisyen Perceraian
yang dipertikaikan

SEK. 52

UNDANG-
UNDANG
MALAYSIA

**AKTA MEMBAHARUI
UNDANG-UNDANG
(PERKAHWINAN
DAN PERCERAIAN)
1976 (AKTA 164) &
KAEDAH-KAEDAH**

(HINGGA 1st NOVEMBER 2019)

ILBS
International Law Book Services

International Law Book Services

Dokumen-dokumen **PENTING**

Dokumen Penting

Salinan Sijil Perkahwinan/ Dokumen yang membuktikan perkahwinan

Salinan Sijil Kelahiran Anak-anak hasil daripada perkongsian perkahwinan (jika ada)




Sijil Tribunal Pendamaian

Kad Pengenalan

Nama/ alamat pekerjaan suami/ isteri

Nama/ alamat majikan suami/ isteri

Laporan berkaitan (polis, perubatan, penyata gaji)



SOALAN LAZIM

Bil	Soalan
1	Apakah yang akan terjadi kepada perkahwinan-perkahwinan yang diupacarakan TIDAK MENGIKUT peruntukan-peruntukan di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976? Perkahwinan yang diupacarakan tidak mengikut peraturan-peraturan di bawah Akta adalah PERKAHWINAN TIDAK SAH. Selepas tarikh penguatkuasaan Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, Akta 164, iaitu, pada 01.03.1982 semua perkahwinan bukan Islam WAJIB didaftarkan di bawah Akta tersebut dan perkahwinan tersebut bersifat monogami.
2	Apakah maksud PERKAHWINAN MONOGAMI? Perkahwinan monogami bermaksud selepas tarikh kuatkuasa Akta 164, seseorang yang telah berkahwin secara sah di bawah mana-mana undang-undang tidak boleh berkahwin lagi dengan sah dengan seseorang lain semasa perkahwinan ini masih berterusan sama ada di Malaysia atau di mana-mana negara lain.
3	Apakah hukuman yang dikenakan ke atas seseorang yang berkahwin LEBIH DARIPADA SATU? Jika seseorang yang telah berkahwin dengan sah di bawah sesuatu undang-undang, agama, adat atau kelaziman berkahwin lagi dalam masa berterusnya perkahwinan itu dan dalam hayat suami atau isteri, maka ia disifatkan sebagai melakukan kesalahan di bawah Seksyen 494 Kanun Keseksaan.



Bil Soalan

4 Apakah maksud DEKRI NISI MUTLAK?

Dekri Nisi Mutlak adalah dokumen perceraian yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi bagi pengesahan pembubaran sesuatu perkahwinan yang sah. Mahkamah Tinggi akan mengeluarkan dokumen Dekri Nisi terlebih dahulu dan selepas tiga (3) bulan akan mengeluarkan Dekri Nisi MUTLAK atas permohonan pemohon di mana tertera tarikh pembubaran perkahwinan berkenaan. Satu salinan ASAL atau salinan yang diakui sah oleh Mahkamah Tinggi berkenaan perlu diserahkan kepada Bahagian Perkahwinan dan Perceraian, Ibu Pejabat JPNM, Putrajaya untuk pengemaskinian rekod dan status perkahwinan.

5 Apakah maksud BADAN PENDAMAI?

Badan Pendamai ertinya:-sesuatu majlis yang ditubuhkan bagi maksud perdamaian oleh pihak berkuasa yang berkenaan bagi sesuatu agama, puak, kaum, atau persatuan; atau sesuatu Tribunal Perkahwinan di Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia di Negeri / Daerah; atau mana-mana badan lain yang diluluskan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam Warta.

6 Kategori perceraian/ permohonan perceraian bukan islam (AKTA 164).

- (i) Pembubaran Perkahwinan Kerana Salah Satu Pihak Memeluk Agama Islam (Seksyen 51);
- (ii) Pembatalan Perkahwinan (Seksyen 67, 68, 69 dan 70);
- (iii) Pembubaran Perkahwinan Dengan Persetujuan Bersama (Seksyen 52); dan
- (iv) Petisyen perceraian yang dipertikaikan.



Bil Soalan

7 Syarat-syarat yang perlu dipatuhi untuk memohon/ membuat PETISYEN PERCERAIAN.

Tempoh perkahwinan mestilah telah genap dua (2) tahun. Sekiranya kedua-dua pihak yang berkahwin itu bersetuju untuk bercerai, maka mereka boleh memasukkan petisyen perceraian di Mahkamah Tinggi. Namun, jika salah satu pihak tidak bersetuju untuk bercerai, maka kes akan dirujuk kepada Tribunal Perkahwinan di Jabatan Pendaftaran Negara.

Walau bagaimanapun, seseorang Hakim mahkamah boleh, atas sesuatu permohonan yang dibuat kepadanya, membenarkan sesuatu petisyen untuk perceraian diserahkan dalam tempoh tertentu (sebelum tempoh dua tahun dari tarikh perkahwinan) atas alasan bahawa hal itu adalah suatu hal yang terbit dari hal keadaan atau **kesusahan yang luar biasa yang dideritai oleh pempetisyen** itu, tetapi pada memutuskan permohonan itu Hakim hendaklah memberi perhatian kepada kepentingan seseorang anak dari perkahwinan itu dan kepada soalan sama ada ada kebarangkalian yang munasabah bagi pihak-pihak itu berdamai dalam tempoh dua tahun dari tarikh perkahwinan itu.

8 Perkara yang membolehkan seseorang pemohon DIKECUALIKAN daripada permohonan perceraian melalui Tribunal Perkahwinan .

Salah satu pihak boleh memohon untuk pengecualian merujuk kes ke tribunal atas alasan yang berikut:

- a) salah satu pihak ditinggal langsung dan pihak satu lagi tidak dapat dikesan;
- b) salah satu pihak telah menetap di luar negara dan berkemungkinan tidak akan balik ke Malaysia dalam tempoh 6 bulan selepas tarikh permohonan perceraian difailkan;
- c) salah satu pihak telah dipanggil ke hadapan tribunal pendamaian tetapi gagal/ enggan berbuat demikian;
- d) salah satu pihak dipenjarakan untuk suatu tempoh lima tahun atau lebih;
- e) salah satu pihak mendakwa pihak yang satu lagi mengalami sakit jiwa yang tidak dapat dirawat;
- f) Mahkamah berpuas hati bahawa terdapat hal keadaan luar biasa yang akan menyebabkan rujukan ke tribunal pendamaian adalah tidak wajar;
- g) salah satu pihak telah memeluk agama Islam; dan
- h) pihak-pihak telah memfailkan petisyen perceraian bersama.

Bil	Soalan
9	Kategori perceraian/ permohonan perceraian bukan islam (AKTA 164). (i) Pembubaran Perkahwinan Kerana Salah Satu Pihak Memeluk Agama Islam (Seksyen 51); (ii) Pembatalan Perkahwinan (Seksyen 67, 68, 69 dan 70); (iii) Pembubaran Perkahwinan Dengan Persetujuan Bersama (Seksyen 52); dan (iv) Petisyen perceraian yang dipertikaikan.
10	Syarat-syarat yang perlu dipatuhi untuk memohon/ membuat PETISYEN PERCERAIAN. Tempoh perkahwinan mestilah telah genap dua (2) tahun. Sekiranya kedua-dua pihak yang berkahwin itu bersetuju untuk bercerai, maka mereka boleh memasukkan petisyen perceraian di Mahkamah Tinggi. Namun, jika salah satu pihak tidak bersetuju untuk bercerai, maka kes akan dirujuk kepada Tribunal Perkahwinan di Jabatan Pendaftaran Negara. Walau bagaimanapun, seseorang Hakim mahkamah boleh, atas sesuatu permohonan yang dibuat kepadanya, membenarkan sesuatu petisyen untuk perceraian diserahkan dalam tempoh tertentu (sebelum tempoh dua tahun dari tarikh perkahwinan) atas alasan bahawa hal itu adalah suatu hal yang terbit dari hal keadaan atau kesusahan yang luar biasa yang dideritai oleh pempetisyen itu, tetapi pada memutuskan permohonan itu Hakim hendaklah memberi perhatian kepada kepentingan seseorang anak dari perkahwinan itu dan kepada soalan sama ada ada kebarangkalian yang munasabah bagi pihak-pihak itu berdamai dalam tempoh dua tahun dari tarikh perkahwinan itu.



Bil	Soalan
11	Perkara yang membolehkan seseorang pemohon DIKECUALIKAN daripada permohonan perceraian melalui Tribunal Perkahwinan .
	Salah satu pihak boleh memohon untuk pengecualian merujuk kes ke tribunal atas alasan yang berikut: a) salah satu pihak ditinggal langsung dan pihak satu lagi tidak dapat dikesan; b) salah satu pihak telah menetap di luar negara dan berkemungkinan tidak akan balik ke Malaysia dalam tempoh 6 bulan selepas tarikh permohonan perceraian difailkan; c) salah satu pihak telah dipanggil ke hadapan tribunal pendamaian tetapi gagal/ enggan berbuat demikian; d) salah satu pihak dipenjarakan untuk suatu tempoh lima tahun atau lebih; e) salah satu pihak mendakwa pihak yang satu lagi mengalami sakit jiwa yang tidak dapat dirawati; f) Mahkamah berpuas hati bahawa terdapat hal keadaan luar biasa yang akan menyebabkan rujukan ke tribunal pendamaian adalah tidak wajar; g) salah satu pihak telah memeluk agama Islam; dan h) pihak-pihak telah memfailkan petisyen perceraian bersama.



INFO IRIS

*Poster/
Talian Bantuan*





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TALIAN *Kasih*
15999  **24 JAM**

Whatsapp
019 26 15999 

Kaunseling



Penderaan



**Talian
Kanak-kanak**



**Pembuangan
Bayi**



Kebajikan



Perlindungan



**Perkhidmatan
Kesihatan
Reproduktif**



**Masalah
Sosial
Remaja**



MASJID JADI PUSAT TRANSIT KEGANASAN RUMAH TANGGA

- Kerjasama JAWI & Jabatan Pembangunan Wanita KPWKM
- Bantu mangsa keganasan rumah tangga mendapatkan perlindungan sementara
- **Terbuka kepada semua kaum & agama**
- Fasa awal melibatkan masjid di Kuala Lumpur
- Akan diperluas ke Putrajaya, Labuan & diusulkan ke pihak berkuasa agama negeri lain

PUSAT TRANSIT

**Masjid Wilayah Persekutuan,
Kuala Lumpur**

**Masjid Al-Ghufran,
Taman Tun Dr Ismail**

KEMUDAHAN



Kit persalinan - pakaian, selimut, tuala & peralatan mandi



Keperluan asas diri serta makan & minum



Bilik asrama



Petugas terlatih

12 PUSAT ADUAN & KHIDMAT KAUNSELING

- | | | |
|--|--|--|
| ■ Masjid Al Imam Al Ghazali, Bandar Manjalara Kepong | ■ Masjid Al Imam Asy Syafie, Taman Maluri | ■ Masjid Al Muqarrabin, Bandar Tasik Selatan |
| ■ Masjid Al Qurtubi, Sri Segambut | ■ Masjid Ar Rahimah, Kampung Pandan | ■ Masjid Az Zubair Ibn Awwam, Jalan Cheras |
| ■ Masjid Amru Ibni Al'As, Bandar Baru Sentul | ■ Masjid Jameul Ehsan, Setapak | ■ Masjid Ar Rahman, Jalan Pantai Baru |
| ■ Masjid Salahuddin Al Ayyubi, Taman Melati | ■ Masjid Abu Ubaidah Al Jarrah, Taman Sri Rampai | ■ Masjid Al Ikhlasiah, Jalan Pantai Dalam |

JAWI - Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan **KPWKM** - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat



Sumber Rujukan:

Akta Undang-Undang Keluarga Islam
(Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984
Akta Memperbaharui Undang-Undang
(Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164]
Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
Jabatan Bantuan Guaman
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Jabatan Kehakiman Syariah Selangor
*United Nations (2012). Handbook for National Action Plans on
Violence Against Women (2012)*
Siti Mahani binti Muhazir & Elinawati Maria binti Marzuki. (2015).
Keganasan Terhadap Wanita, Jabatan Perkhidmatan Awam

Perhatian:

*Risalah ini hanya sebagai panduan sahaja. Anda adalah dinasihatkan
untuk mendapatkan nasihat pakar sebelum mengambil tindakan.*



ISBN 978-983-44158-8-4



Diterbitkan Oleh:

Bahagian Pembangunan Psikologi
Jabatan Pembangunan Wanita
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga
Dan Masyarakat
Aras 23-25, No.55, Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 Putrajaya, Malaysia

Tel : 03-8232 1000
Faks : 02-8323 2034

